

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI
[HULU SELANGOR]

TARIKH : 10 OKTOBER 2019

SOALAN

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan secara terperinci bagaimana Kerajaan mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0 dalam pasaran buruh negara di bawah Pelan Tindakan Sumber Manusia Kebangsaan (NHRB) yang sedang dirangka. Bagaimana pekerja boleh memperolehi manfaat seiring dengan pembangunan Revolusi Industri 4.0.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Industri 4.0 dijangka akan memberi kesan yang sangat signifikan kepada pasaran buruh dan pekerjaan seperti pewujudan dan penghapusan pekerjaan (*job displacement*), peningkatan produktiviti buruh dan jurang kemahiran yang semakin meluas. Oleh itu, modal insan negara perlu mempunyai kemahiran yang relevan dan sentiasa memenuhi keperluan pasaran dan ekonomi negara yang dinamik. Dalam hal ini, Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah diberikan peranan sebagai Pengerusi Bersama bagi menerajui Jawatankuasa Kerja Pembangunan Kemahiran dan Bakat (*Technical Working*

SOALAN NO : 1

Group-Skills) di bawah Industry4WRD yang diterajui oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

2. Selaras dengan itu, pelbagai usaha dilaksanakan oleh KSM dalam memperkukuh kompetensi sumber manusia bagi mengenal pasti pekerjaan yang bersesuaian dalam menghadapi Industri 4.0 melalui Jabatan dan Agensi di bawahnya. Langkah-langkah yang diambil oleh KSM adalah seperti berikut:

(i) menyediakan program *upskilling* dan *reskilling* kepada golongan pekerja bagi mempertingkatkan kemajuan sendiri dalam menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan kerja masa hadapan (*future jobs*) serta persekitaran global yang semakin kompetitif dan dinamik;

(ii) KSM melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), telah membangunkan *National Occupational Skills Standard* (NOSS) bagi 21 sektor ekonomi.

(iii) mengadakan sesi libat urus dengan pihak industri bersama jabatan/agensi terlibat bagi memberi gambaran jelas berkaitan Industri 4.0.

(iv) memperluas akses kepada warganegara untuk mendapatkan Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET). Sehingga kini, terdapat lima ratus enam puluh dua (562) buah Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) yang terlibat.

3. Langkah-langkah yang dinyatakan di atas akan turut dirangkumkan dalam pembentukan *National Human Resource Blueprint* yang sedang digubal oleh pihak KSM.